

## KHUTBAH JUMAAT

SEMPENA SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG KE-XVII

### “KEPIMPINAN MEMAYUNGI UMMAH”

(13 Jun 2025M/ 16 Zulhijjah 1446H)

الْحَمْدُ لِلّٰهِ، الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمْرَنَا  
بِالْتَّقْوَى وَالْخُلُقِ الْكَرِيمِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِهِ وَصَاحِبِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ، إِتَّقُوا اللّٰهَ، أُووصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللّٰهُ، فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

#### Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita memperoleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Bersempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim, maka khatib pada hari ini akan berbicara tentang '*Kepimpinan Memayungi Ummah*'.

#### Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Malaysia adalah sebuah negara yang unik dan bertuah. Kita mempunyai sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Sistem ini menzahirkan hikmah dalam tadbir urus

negara, berteraskan adat, undang-undang dan nilai-nilai Islam. Islam menyanjung tinggi institusi kepimpinan yang adil dan berintegriti, apatah lagi kepimpinan yang bersikap rahmah terhadap seluruh warganya.

Dalam lembaran sejarah Islam, terpahat kisah Khalifah Umar bin Abdul Aziz *radiallahu anhu* yang telah mentadbir rakyatnya dengan penuh kasih sayang dan keadilan. Bahkan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* sendiri telah menunjukkan contoh kepimpinan terbaik sebagai panduan dan teladan.

Demikian jugalah amanah yang digalas oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara dan Ketua Agama Islam bagi Sarawak, Sabah, Melaka, Pulau Pinang, dan Wilayah Persekutuan. Institusi Yang di-Pertuan Agong bukan sekadar tradisi, tetapi pemegang amanah Allah sebagai ketua negara yang memayungi rakyat dan ummah di Malaysia. Peranan Raja berdiri atas konsep “Ulil Amri” (pemegang autoriti) yang wajib ditaati selagi tidak bertentangan dengan perintah syarak.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Hubungan antara rakyat dan Raja dalam Islam diikat dengan rasa hormat, taat, dan doa antara satu sama lain. Rakyat perlu menumpahkan taat setia kepada Raja dan negara sesuai dengan lafaz ikrar Rukun Negara. Kesetiaan kepada Raja bukan sekadar budaya, malah tuntutan agama. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah an-Nisa', ayat 59:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ مِنْ كُمْ فَإِنْ تَنَزَّعُتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا (٥٩)

**Maksudnya:** Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.

Kewajipan saling mendoakan antara Raja (pemimpin) dan rakyat merupakan salah satu prinsip penting dalam Islam yang menekankan hubungan yang rapat, harmoni dan saling menghormati demi kebaikan dan kesejahteraan kedua-duanya. Hubungan ini sudah tentu terbina atas dasar kasih sayang, keadilan, dan ketaatan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dan Rasul-Nya *sallallahu alaihi wasallam*. Daripada 'Auf bin Malik *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

(( خَيْرٌ أَئِمَّتُكُمُ الَّذِينَ تُحِبُّونَكُمْ وَتُصَلِّونَ عَلَيْهِمْ وَيُصَلِّونَ عَلَيْكُمْ ... ))

**Maksudnya:** *Sebaik-baik pemimpin kamu ialah mereka yang kamu kasihi dan mereka mengasihi kamu. Kamu mendoakan kebaikan untuk mereka dan mereka mendoakan kebaikan untuk kamu ...*

(*Hadis riwayat Imam Muslim*)

Hubungan saling mendoakan ini mencerminkan ikatan yang erat antara pemimpin dan rakyat. Hal ini selari dengan konsep *ukhuwwah Islamiah* iaitu persaudaraan Islam yang menekankan kasih sayang dan kerjasama dalam kalangan ummah. Inilah model ideal hubungan antara pemerintah dan rakyat iaitu saling menyayangi dan saling mendoakan kebaikan antara satu sama lain.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Sebagai rakyat yang mementingkan keharmonian dan kesejahteraan, adalah wajib bagi kita menumpahkan sepenuh taat setia kepada kepimpinan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi memastikan segala agenda pentadbiran dan kemakmuran dapat dicapai. Kita juga pastinya menginginkan Negara ini berkembang pesat dalam keadaan seluruh rakyat hidup bahagia dan harmoni. Maka sepatutnya kita bersama-sama memelihara keamanan dan kesatuan yang telah terbina dan meninggalkan segala perkara negatif yang bertujuan merosakkan keharmonian ini.

Semoga di bawah pemerintahan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim, ikrar Rukun Negara iaitu kepercayaan kepada Tuhan, kesetiaan kepada Raja dan Negara, keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang, kesopanan

dan kesusilaan akan terus dihayati, dihormati dan diamalkan oleh setiap individu rakyat Malaysia.

Akhirnya, marilah kita mendoakan kesejahteraan, perlindungan dan inayah buat Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim agar Baginda dapat menjalankan amanahnya dengan sempurna. Kita tahu bahawa amanah yang dipikul bukanlah suatu perkara yang ringan bahkan ia menjadi pertanggungjawaban di akhirat kelak. Kita sebagai rakyat juga di akhirat nanti pasti akan dipersoalkan tentang tanggungjawab sebagai rakyat, sama ada sudah dilaksanakan atau belum. Daripada Abi Dzar *radiallahu anhuma* katanya:

يَا رَسُولَ اللَّهِ أَلَا تَسْتَعْمِلُنِي؟ قَالَ: فَضَرَبَ بِيَدِهِ عَلَى مَنْكِيِّ، ثُمَّ قَالَ: ((يَا أَبَا ذَرٍّ، إِنَّكَ ضَعِيفٌ، وَإِنَّكَ أَمَانَةٌ، وَإِنَّكَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ خَرْزٌ وَنَدَامَةٌ إِلَّا مَنْ أَخْذَهَا بِحَقِّهَا وَأَدَدَى الَّذِي عَلَيْهِ فِيهَا)).

**Maksudnya:** "Wahai Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*, tidakkah tuan ada hasrat hendak melantik saya sebagai pemimpin? Maka baginda menepuk bahuku, lalu bersabda, ((Wahai Abu Dzar! Sesungguhnya engkau lemah (tidak memiliki kemampuan untuk memikul beban yang berat sebagai pemimpin). Sesungguhnya kepimpinan itu suatu amanah yang akan membawa kehinaan dan penyesalan pada hari kiamat kecuali bagi orang yang mendapatkannya dengan kebenaran dan melaksanakan kewajipan-kewajipannya)).

(*Hadis riwayat Imam al-Muslim*)

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, beberapa intipati yang boleh kita ambil sebagai pedoman;

**Pertama** : Islam menyanjung tinggi institusi kepimpinan apatah lagi yang dijalankan secara adil, berintegriti dan bersikap rahmah terhadap seluruh warganya.

**Kedua** : Kesetiaan kepada Raja bukan sekadar budaya, tetapi tuntutan agama yang dirakam dalam al-Quran.

**Ketiga** : Kewajipan saling mendoakan di antara Raja (pemimpin) dan rakyat merupakan salah satu prinsip penting dalam Islam bagi mewujudkan ukhuwah Islamiyah dan kasih sayang antara satu sama lain.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Hajj, ayat 41 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .  
الَّذِينَ إِنْ مَكَنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَإِاتَّوْا الزَّكُوَةَ وَأَمْرُوا  
بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۚ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ (٤١)

**Maksudnya:** Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahanatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِيْ هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

---

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita terus mengimarahkan masjid dan surau dengan menunaikan solat fardu secara berjemaah. Pada masa yang sama, pastikan rezeki yang kita peroleh adalah daripada sumber yang halal lagi baik. Suburkanlah rasa hormat dan taat kepada para pemimpin serta kasih sayang sesama masyarakat. Perkuuhkanlah perpaduan ummah demi kestabilan, kemakmuran dan keharmonian masyarakat di Sarawak. Selain itu, kita hendaklah bersungguh-sungguh menghindarkan diri dan ahli keluarga daripada terjebak dengan penyalahgunaan dadah dan perjudian, agar kehidupan kita selamat, bahagia dan sejahtera.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ وَآئِيْهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا (٥٦)

**Maksudnya:** Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya, serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلِّ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.  
وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ  
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan, keamanan, keselesaan dan kemenangan dalam menghadapi musuh yang sentiasa menganggu mereka. Angkatkanlah dan hilangkanlah daripada mereka bala bencana, kesedihan, perperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin Islam negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan sifat terkeji yang menyeleweng daripada peraturan dan undang-undang negara. Jauhilah kami dan keturunan kami daripada penyalahgunaan dadah. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti, berintegriti serta cemerlang demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam seluruh nilai kehidupan kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit dan kesempitan hidup.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ،  
أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ . إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ . وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ . يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ . فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَدْكُرُكُمْ . وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ . وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ . وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ . وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ . أَقِيمُوا الصَّلَاةَ .